



02 AUG, 2024

6,500 pokok lari cukai dirampas

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2



NORLELA (kiri) menunjukkan rampasan pokok hidup dipercayai tidak mempunyai permit import.

6,500 pokok lari cukai dirampas

Klang: Sindiket penyeludupan pokok hidup dikesan sengaja membuat pengisytiharan palsu dipercayai bagi mengelak dikenakan cukai tinggi selain perlu memohon permit.

Bagaimanapun, taktik itu dibongkar Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menerusi pemeriksaan terhadap sebuah kontena yang tiba di Zon Bebas, Pelabuhan Utara, Pelabuhan Klang, di sini, pada 6 Jun lalu.

Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah, Norlela Ismail berkata, pemeriksaan menemukan 6,500 pokok hidup disyaki tidak mempunyai permit dianggarkan bernilai RM325,000.

“Modus operandi yang digunakan adalah membuat pengikraran palsu

dagangan sebagai ‘Landscape Artificial Plants’ bagi mengelak dikesan JKDM,” katanya dalam sidang media di Pejabat Kastam Pelabuhan Utara, semalam.

Sementara itu, dalam kes berasingan, Norlela berkata, pihaknya menahan sebuah kontena untuk pemeriksaan pada 15 Jun lalu.

Menurutnya, pemeriksaan menemukan 381 kilogram tembakau shisha dipercayai tidak mempunyai permit import dianggarkan bernilai RM13,335 dengan jumlah cukai RM30,497.

“Semakan mendapati, sindiket mengikrarnya sebagai barangan belum dipasang pada borang manifest. Siasatan lanjut sedang dijalankan bagi mengesan pihak pengimport terbabit,” katanya.



02 AUG, 2024

6,500 pokok lari cukai dirampas

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

NORLELA (kiri) menunjukkan rampasan pokok hidup dipercayai tidak mempunyai permit import.

Klang: Sindiket penyeludupan pokok hidup dikesan sengaja membuat pengisytiharan palsu dipercayai bagi mengelak dikenakan cukai tinggi selain perlu memohon permit . Bagaimanapun, taktik itu dibongkar Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menerusi pemeriksaan terhadap sebuah kontena yang tiba di Zon Bebas, Pelabuhan Utara, Pelabuhan Klang, di sini, pada 6 Jun lalu.